

06/01/1997

IPF nafi akan dibubar

KUALA LUMPUR, Ahad - Parti Progresif Rakyat India (IPF) menafikan dakwaan parti itu akan dibubar selepas bergabung dengan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) bagi mencapai matlamatnya menjadi parti komponen Barisan Nasional (BN).

Presiden IPF, M G Pandithan, berkata soal pembubaran IPF tidak timbul sebaliknya hanya mahu bekerjasama dengan PPP demi kepentingan kaum India terutama golongan bawahan yang diwakili IPF.

"Saya sendiri terkejut apabila membaca berita yang disiarkan oleh akhbar kononnya IPF akan dibubarkan selepas bergabung dengan PPP. Saya tidak tahu bagaimana berita itu boleh timbul.

"Lebih menyedihkan apabila ahli IPF sendiri menuduh saya belot terhadap parti. Saya lebih rela mati daripada membuat keputusan seperti itu yang dianggap seperti membunuh anak saya sendiri," katanya selepas perasmian Perhimpunan Agung Ke-5 parti itu di sini, hari ini.

Perasmian majlis itu dilakukan oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Ahmad Zahid Hamidi. Lebih 2,000 ahli parti itu hadir di perhimpunan agung itu.

Sebelum ini, Presiden PPP, Datuk M Kayveas, dilaporkan berkata pihaknya sedang berusaha untuk membawa ahli IPF menyertainya bagi menguatkan kedudukan kedua-dua parti dalam BN.

Bagaimanapun, isu timbul apabila dakwaan menyatakan parti itu akan dibubarkan selepas bergabung dengan PPP selepas sambutan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri.

Pandithan mendakwa, ketika berbincang dengan pimpinan PPP mengenai kerjasama itu, kedua-dua pihak tidak pernah membincangkan soal pembubaran IPF atau menjadi ahli bersekutu PPP.

"Saya boleh menunjukkan bukti bahawa kita tidak langsung membincangkan soal pembubaran IPF tetapi hanya sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuk PPP," katanya.

Beliau berkata, IPF akan terus berusaha diiktiraf sebagai salah sebuah parti komponen BN dan yakin usaha itu akan mencapai matlamatnya pada suatu hari nanti malah mendakwa parti itu kini lebih kuat dari MIC.

"Sehubungan itu, IPF meminta BN mengkaji semula sistem keputusan sebulat suara (konsensus) yang menjadi pegangan barisan itu bagi membolehkan lebih banyak parti politik menganggotainya.

"Walaupun kami belum diterima menjadi anggota BN, namun perasaan keanggotaan sudah dapat dirasakan sekarang lebih-lebih lagi dengan sokongan pemimpin BN sendiri," katanya.

Pandithan berkata, beliau menyerahkan soal masa depan lebih 500,000 ahli IPF di mana 80 peratus daripadanya membabitkan golongan muda kepada kebijaksanaan Dr Mahathir.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, Pemuda bersikap terbuka untuk membawa masuk IPF menganggotai BN dan banyak berhutang budi kepada kerjasama dan sokongan yang diberikan parti itu.

(END)